



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 14 NOVEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM15j GERAN UNTUK 817 PESERTA AGROPRENEUR MUDA, DALAM NEGERI, UM -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	JABATAN PERIKANAN KENAL PASTI LUBUK IKAN DARAT, TIMUR, HAKAKAH -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4.	JERAMI PADI ADA HARGA, LOKAL, HM -18 FARMERS GET INSIGHT INTO CLIMATE CHANGE, NATION, THE STAR -6	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
5. 6. 7. 8.	FISH FARMING INCOME BOOST FOR VILLAGERS, NATIONAL, THE SUN -6 KOMUNITI KITA, KOSMO -32 HASIL TANGKAPAN IKAN MENINGKAT 39 PERATUS, TIMUR, HAKAKAH -17 PETANI RUGI PADI MATANG TIDAK DAPAT DITUAI, DALAM NEGERI, UM -34	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

RM15j geran untuk 817 peserta Agropreneur Muda

KUALA LUMPUR: Seramai 815 peserta Program Agropreneur Muda telah diluluskan untuk menerima geran RM15 juta secara keseluruhan dan RM5 juta bagi menjalani kursus tahunan ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Arthur Joseph Kurup berkata, jumlah tersebut merupakan rekod setakat hingga hari ini dengan pecahan empat sektor membabitkan sektor tani, industri asas tani, terma-kan dan perikanan.

Katanya lagi, bermula Ogos tahun ini, geran untuk had maksimum Geran Agropreneur Muda (GAM) start up telah dinaikkan dari RM20,000 kepada RM30,000 dan kategori baru iaitu *scale up* juga telah

diperkenalkan dengan nilai had maksimum sebanyak RM50,000.

“Untuk sektor tanaman, sebanyak 324 peserta telah mengambil bahagian iaitu 39.8 peratus, industri asas tana 181 peserta iaitu 34.5 peratus, ter- nakan 127 peserta iaitu 15.6 peratus dan perikanan 83 pe- serta iaitu 10.1 peratus.

“Peluang ini dibuka sepan- jang tahun merangkumi Sabah dan Sarawak. Selain nilai had geran, kerajaan juga telah me- naikkan had umur untuk *start up* bermula 18 sehingga 43 ta- hun, sementara *scale up* ber- mula 21 tahun sehingga 45 ta- hun,” katanya bagi menjawab soalan yang dikemukakan Da- tuk Zulkafperi Hanapi di De- wan Rakyat di sini, semalam.

Jabatan Perikanan kenal pasti lubuk ikan darat

PASIR PUTEH: Program tradisi masyarakat Kelantan 'Igat Ike' dalam baroh semakin aktif sebagai platform untuk mendekatkan pemimpin dengan masyarakat kampung.

Baru-baru ini program itu diadakan di Wakaf Pok Nik Nor, Baroh Selising Timor disertai seramai 300 penduduk tempatan.

Adun Selising, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, program berkenaan begitu meriah dengan kehadiran ramai penduduk tempatan.

Katanya, program tersebut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan Negeri diadakan bertujuan untuk

mengenal pasti lubuk ikan bagi pengurusan sumber perikanan darat.

"Ia merupakan satu inisiatif penting dalam usaha mengekalkan sumber perikanan dan memperkasa ekonomi setempat," katanya pada majlis berkenaan baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Exco, Dato' Shaari Mat Hussain dan Pengarah Perikanan Negeri Kelantan, Dr Erniyta Osman.

Peserta juga berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti menarik termasuk lasatik. Peserta berjaya menangkap hampir separuh gundi ikan keli, haruan, sepat dan puyu.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Shaari Mat Hussain bersama peserta Igat Ike.

Jerami padi ada harga

Sisa pertanian ditukarkan
kepada produk bekas makanan

Oleh Noorazura Abdul
Rahman
am@hmetro.com.my

Gurun

Aktas kesedaran mahu mengelak alam sekitar tercemar dengan pembakaran jerami padi secara terbuka, sekumpulan petani di kawasan Pendang memilih memanfaatkan sisa pertanian itu kepada produk bekas makanan yang boleh terbiodegrasi.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pendang Selatan, Abdullah Mohamad, 58, berkata, alternatif itu bukan saja menyelamatkan alam sekitar malah ia kini menjadi sumber pendapatan sam-



KETUA Pegawai Eksekutif Free The Seed, Ramaness Parasuraman (kanan) melihat jerami yang di gunakan untuk membuat bahan kotak makanan (gambar kiri) sambil dipertaudkan Abdullah (kiri) dan Keria. - FOTO WAN NABIL NASIR

turut memainkan peranan dalam mengurangkan pembebasan gas rumah hijau (GHG) seperti karbon dioksida selain partikel asap yang menyumbang kepada pemanasan global.

"Keadaan kemarau yang panjang sebelum ini turut memberi kesan kepada penghasilan sawah di luar kawasan Mada termasuk kepada hasil padi apabila pe-

nanaman padi musim kedua Oktober tahun lalu kurang menjadi," katanya.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Biokimia Tumbuhan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu ditemui pada sidang media di sini, kelmarin, selepas dipilih syarikat berkenaan bersama seorang lagi rakannya Keria Saad, 60, untuk menyertai Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bang-

sa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) di Baku, Azerbaijan bermula 17 hingga 20 November depan.

Dia yang sudah 32 tahun menjadi pesawah berkata, akibat perubahan cuaca yang tidak menentu, ramai pesawah di kawasan PPK Pendang Selatan memilih tidak menanam padi pada musim pertama April lalu.



pingan pesawah apabila setiap tan jerami dijual dengan harga RM450 kepada syarikat yang beroperasi di Gurun.

Katanya, langkah itu juga dapat mengurangkan kesan pemanasan global



Green efforts: (Top) Workers at the biotechnology company making biodegradable products from rice straw. (Left) Ramaness speaking to farmers in Pendang. — Bernama

Farmers get insight into climate change

GURUN: Two farmers from Pendang are joining the 2024 United Nations Climate Change Conference (COP29) in Baku, Azerbaijan, from Nov 17 to 20. Abdullah Mohamad, 58, and Keria Saad, 60, are set to be exposed to climate change issues and their impact on the agricultural sector.

Abdullah, who is also Pendang Selatan Area Farmers' Organisation (PPK) chairman, said he hoped to gain new knowledge and learn about the latest innovations for reducing carbon emissions.

He said that currently, the Pendang Selatan PPK is working to supply rice straw to a biotechnology company which processes them into biodegradable products.

"This initiative not only helps reduce carbon emissions but also provides additional income for farmers," he said.

The initiative to bring Abdullah and Keria to the conference was facilitated by the biotechnology company, Bernama reported.

P. Ramaness, the company's chief executive officer, said the conference is an essential plat-

form for expanding the two farmers' knowledge.

"I've been invited as a speaker at one of the conference events, and I requested to bring these farmers along."

"The conference will provide them with new insights on climate change, its effect on agriculture and ways to reduce carbon emissions, which they could then share with other farmers in the state," he told reporters here yesterday.

Ramaness said farmers' burning of rice straw is a major contributor to carbon emissions and

needs to be controlled.

He added that since 2018, his company has purchased approximately 4,500 tonnes of rice straw to produce biodegradable products, successfully preventing 610,000kg of carbon dioxide emissions from entering the atmosphere.

"In Kedah alone, it is estimated that about 1,080,000 tonnes of rice straw are burned over two harvesting seasons."

"While we have managed to prevent up to eight percent of this from being burned, much more needs to be done," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2024	THE SUN	NATIONAL	6

Fish farming income boost for villagers

JERTIH: A total of 175 villages in Terengganu participating in the *Sejahtera Komuniti Madani* programme have ventured into hybrid tilapia farming in tarpaulin fish ponds, opening new opportunities to boost local economies.

Universiti Malaysia Terengganu Holding (UMTH) group CEO Datuk Dr Ahmad Ramzi Mohamad Zubir said UMTH has been appointed as the implementing agency for the project, overseeing it from start to harvest.

"The project utilises UMT Rapid Biofloc technology. Biofloc is a farming method that enhances water quality by adding probiotics and increasing the nitrogen-to-carbon ratio in the water.

"Through this method, biofloc water can be formed in just ten days, compared with the conventional process that takes 30 days," he said after a ceremony to release tilapia fish fry at Kampung Gong Mak Som on Tuesday.

He added that the technology could reduce livestock feed costs by up to 30%, while also preventing the fish from having an earthy or fishy flavour due to the improved water quality from natural processes.

According to him, the project in Kampung Gong Mak Som was carried out by the Federal Village Development and Security Committee at a cost of RM98,000, with 12,000 fish fry released into three specially designed ponds.

"The fish will be marketed after six months and will be sold through two agencies, namely the Terengganu Fishermen's Association and the Sabasun supermarket chain, with an expected revenue of RM40,000.

"UMTH will monitor the project until the harvest phase, and this includes the 35 villages in the Besut district participating in the project." – Bernama

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

14/11/2024

KOSMO

KOMUNITA
KITA

32

KANAN: Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah (enam dari kiri) bergambar bersama ahli PPK di Ladang Benefigs Kampung Olak Lempit, Kuala Langat, Selangor baru-baru ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2024	HARAKAH	TIMUR	17

Hasil tangkapan ikan meningkat 39 peratus

MARANG: Hasil tangkapan ikan di Terengganu mencatatkan peningkatan lebih 46,000 metrik tan pada tahun 2023, berbanding lebih 33,000 metrik tan tahun sebelumnya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan, dan Komoditi Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, nilai hasil tangkapan dianggarkan mencecah RM553 juta, berlaku lonjakan 39 peratus.

Katanya, hasil pendaratan yang meningkat membawa manfaat besar kepada kira-kira 8,000 nelayan di negeri itu.

“Kami tidak hanya bergantung kepada laporan data dan angka, tetapi turut melakukan lawatan ke lokasi-lokasi bertemu nelayan,” katanya pada Dialog Exco peringkat Parliamen Marang di sini baru-baru ini.

Menurutnya juga perairan Terengganu turut menjadi tumpuan nelayan dari Kelantan, Pahang dan Johor.

14/11/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

Petani rugi padi matang tidak dituai

SETIU: Golongan petani di Kampung Buluh Hilir di sini, berdepan risiko kerugian apabila padi yang sudah matang tidak dapat dituai sekiranya berlaku hujan lebat dalam masa terdekat. Ia berikutan Malaysia dijangka menerima taburan hujan antara 20 hingga 40 peratus lebih tinggi berbanding kadar biasa pada penghujung November sehingga tahun depan.

Seorang petani, Marzuki Ibrahim, 50, berkata, padi di kawasan tersebut tidak dapat dituai ekoran masalah kekurangan jentera penuai padi yang dihadapi.

"Para petani terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit apabila padi dituai tidak sempat dituai dan akhirnya musnah akibat banjir," katanya ketika ditemui di Kampung Buluh Hilir, di sini, semalam.

Katanya, sekiranya keadaan ini berterusan padi yang masak akan menjadi rongsang sekiranya dibiarkan dalam tempoh panjang.

Sementara itu, seorang lagi petani, Kamarudin Abdul, 55, berkata, setakat ini, dianggarkan sebanyak 10 peratus padi baru dituai di kawasan setuas kira-kira 200 hektar milik 30 petani di kampung itu.

"Apabila hujan proses penuaian tidak dapat dilakukan dan kita terpaksa menunggu sehingga cuaca panas agar padi dapat dituai. Bagaimanapun sekiranya jentera rosak proses penuaian sekali lagi terpaksa ditangguhkan dua hingga tiga hari sehingga siap dibaiak pulih.

"Hal ini amat membim-



MARZUKI Ibrahim (kiri) dan Fauzi Kasim menunjukkan padi yang rosak apabila tidak dapat dituai di Kampung Buluh Hilir, Setiu, semalam. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

bangkan petani selain daripada masalah padi ditenggelami banjir dan juga ancaman penyakit serta haiwan perosak," katanya. Fauzi Kasim, 50, pula berkata,

"Setiap tahun petani-petani

di sini akan bergotong-royong membersihkan sistem perantiran, namun masalah sama tetap berulang dan ia berlaku berterusan setiap tahun," katanya.